



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**KRISIS KEMANUSIAAN:
UJIAN BUAT UMAT
ISLAM**



Tarikh Bacaan:
17 JANUARI 2025M / 17 REJAB 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBr. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Krisis Kemanusiaan: Ujian Buat Umat Islam

17 Januari 2025M/ 17 Rejab 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ ... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ سورة المائدة: 2:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النُّورُ الْهَادِي لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Saya berpesan buat diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan mematuhi segala suruhan-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya serta saling ingat mengingatkan tentang mulianya kesabaran. Moga-moga kita semua beroleh keberkatan hidup di dunia ini dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak.

Sebelum melanjutkan bicara, marilah kita berikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahawasanya perbuatan berbual-bual, berinteraksi dengan telefon bimbit atau tidur dengan

sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjejaskan kesempurnaan pahala Jumaat kita.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Krisis kemanusiaan yang melanda dunia pada zaman ini semakin hari semakin serius. Peperangan, penindasan dan penghapusan etnik berlaku secara berterusan di hadapan kita. Krisis yang berlaku di Palestin, Lubnan, Yaman, Sudan, Myanmar dan tempat-tempat lain umpama tiada kesudahan. Ramai yang telah terkorban, manakala yang terselamat terpaksa lari mencari suaka atau perlindungan di negara lain. Maka mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Krisis Kemanusiaan: Ujian Buat Umat Islam.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pelarian bukanlah orang yang memilih untuk berhijrah mencari kesenangan hidup akan tetapi pelarian ialah mereka yang terpaksa melarikan diri, meninggalkan tanah kelahiran mereka, demi menyelamatkan nyawa dari konflik mahupun kerana penindasan.

Mereka itu boleh dikategorikan sebagai “*al-mustadh’afin*” (المُسْتَضْعَفِينَ) iaitu golongan yang lemah yang ditindas di tanah air mereka sehingga nyawa dan keselamatan diri mereka terancam. Justeru, Al-Quran sebagai kalam Allah, yang mengangkat karamah insaniah, turut mengangkat nasib golongan “*al-mustadh’afin*” (المُسْتَضْعَفِينَ) daripada kalangan yang tertindas ini dengan seruan untuk mereka berpindah mencari perlindungan di mana-mana muka bumi Allah yang Maha Luas ini.

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,

Ayuhlah kita menjiwai semangat mukmin sejati. Janganlah kita sesekali menghina dan menunjukkan kebencian melampau kepada kumpulan orang pelarian hanya kerana perbezaan warna kulit, bahasa dan budaya apatah lagi menggunakan kekerasan ke atas mereka. Kita semua umat Islam adalah bersaudara di atas kalimah tauhid. Firman Allah

سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.”

Janganlah kita lupa akan pesanan Nabi Muhammad ﷺ dalam khutbah terakhir baginda:

“Ketahuilah setiap muslim adalah saudara kepada muslim yang lain. Kamu semua adalah sama, tidak seorang pun lebih mulia dari yang lainnya kecuali dalam takwa dan beramal soleh. Ingatlah bahawa kamu akan mengadap Allah سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى pada suatu hari untuk dipertanggungjawabkan di atas apa yang telah kamu kerjakan. Oleh itu, awasilah agar jangan sekali-kali kamu terkeluar dari landasan kebenaran selepas ketiadaanku.”

Tidak dinafikan, terdapat segelintir daripada kumpulan orang pelarian ini yang tidak berjaya memahami dan menyerap adat resam dan

budaya tempatan kita. Namun ini bukanlah ruang untuk kita melepaskan amarah ke atas keseluruhan kumpulan itu. Apatah lagi, mereka ini adalah kumpulan yang telah ditindas berpuluh tahun lamanya, yang dinafikan sebarang peluang pendidikan sejak bergenerasi lamanya. Ayuh kita ambil iktibar daripada kisah arab badawi yang membuang air kecil di masjid, bagaimana sewajarnya kita mengambil sikap lembut Nabi dalam menyantuni umatnya yang jahil.

Daripada Anas bin Malik, beliau berkata: “Ketika kami berada di masjid bersama Rasulullah, tiba-tiba datang seorang arab Badawi lalu berdiri untuk kencing di dalam masjid. Sahabat Rasulullah menggartakannya, tetapi Rasulullah bersabda: *“Janganlah kamu menghentikannya, biarkan dia selesai membuang air kecil terlebih dahulu.”*

Maka, mereka (sahabat) membiarkan orang arab badawi itu sehingga dia selesai membuang air kecil. Selepas itu, Rasulullah memanggil lelaki berkenaan dan menasihatkannya: “Sesungguhnya masjid ini tidak boleh digunakan untuk membuang air kecil dan kekotoran, masjid adalah tempat untuk berzikir, solat dan membaca Al-Quran.”

Selepas itu, Nabi memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiraminya.

Melalui kisah ini, nabi ﷺ mengajar kita untuk bersifat empati, adil, ihsan, dan kasih terhadap sesama manusia. Sungguhpun dalam keadaan yang mungkin sulit untuk kita mendepaninya. Mudah-mudahan Allah menerima amal serta kesabaran kita dengan segala bentuk rahmat dan keberkatan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesimpulan daripada khutbah hari ini:

Pertama: Menjadi tanggungjawab kita berusaha untuk menyayangi dan membantu pelarian.

Kedua: Kita boleh melaksanakan tanggungjawab ini dengan pelbagai cara, termasuk memberi bantuan makanan, pakaian, pendidikan, dan perubatan, serta memastikan mereka tidak didiskriminasi dalam masyarakat kita.

Ketiga: Allah akan mengangkat darjat orang mukmin yang mengangkat orang mukmin lain sebagai saudaranya.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah Al-Maidah ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى

اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۖ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah dengan menerangkan kebenaran! Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa sahaja) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ
رِضَاكَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا خُصُوصًا قُولاو فَيُنْعِجْ أَمِنًا مُطْمَئِنًا سَخَاءَ رِخَاءَ،
دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيْقِكَ عَلَي صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf
sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis
Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG